

# Pemuda Umno sokong syor Ghafar

KUANTAN, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menyokong penuh saranan Timbalan Presiden Umno, Encik Ghafar Baba supaya dihadkan tempoh penyertaan bekas anggota Umno secara automatik.

Ketuanya, Datuk Seri Haji Mohd Najib Tun Abdul Razak, berkata langkah itu perlu bagi menjaga maruah parti kerana sejak kebelakangan ini ramai bekas anggota yang mengutuk Umno, kembali menyertai Umno.

"Had kemasukan itu perlu dibuat bagi mengelakkan sesetengah pihak menganggap proses menyertai semula Umno terlalu mudah," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan peneroka Felda Gugusan Panching di sini, hari ini.

Encik Ghafar sebelum ini berkata, beliau akan mengemukakan cadangan

menghadkan tempoh kemasukan secara automatik bekas ahli yang ingin menyertai semula Umno kepada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan datang.

Datuk Seri Najib berkata, kumpulan serpihan sekarang dalam keadaan kepanasan dan berusaha mencari jalan menyertai semula Umno, apabila mendapati keahlian parti kini mencapai lebih sejuta orang.

## Mantap

"Ada yang ingin menyertai semula Umno, tetapi terpaksa mencari alasan yang jitu supaya tidak menjatuhkan air muka mereka sendiri dan mengelakkan daripada berasa malu.

"Saya percaya dengan bilangan keahlian yang mantap sekarang, ahli Umno tidak akan terpedaya dengan lakonan

politik gabungan Pas, DAP dan kumpulan serpihan untuk memecahbelahkan masyarakat Melayu.

"Kita juga tidak akan bertindak meletakkan jawatan untuk mengadakan pilihan raya semata-mata bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat seperti yang dilakukan oleh kumpulan tertentu," katanya.

Sementara itu, Exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Nazri Tan Sri Aziz Yeop, menggesa ahli Umno supaya berhati-hati ketika membuat pemilihan pucuk pimpinan dalam mesyuarat agung bahagian yang akan diadakan tidak lama lagi.

Menurutnya, jawatan penting dalam parti sepatutnya disandang oleh ahli yang benar-benar berjuang mengukuhkan kedudukan parti dan tidak memilih mereka yang mementingkan diri sendiri.